




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 393 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 43,644 kes. Tiada kematian direkodkan.
- 2 Pada hari ini, seramai 337 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 39,326 orang. Sejumlah 2,949 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 766 orang di hospital dan 2,185 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 84 orang dan 21 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Terdapat dua kluster baharu dicatatkan iaitu :
 - i. Kluster Jalan Mawila di Kota Kinabalu dengan 14 kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks dikesan melalui kes saringan rentas negeri pada 13 Januari 2020 melibatkan seorang penjawat awam.
 - ii. Kluster Taman Ikan Jinak di Tuaran dan Kota Belud dengan 18 kes menjadikan jumlah kumulatif 21 kes. Kes indeks merupakan kontak rapat kepada menantu dari Beaufort yang menghadiri hari keluarga pada 2 hingga 3 Januari lalu, di Taman Ikan Jinak Tuaran. Aktiviti saringan dan mengenal pasti kontak masih giat dijalankan.
- 5 Daripada 393 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 222 kes (56.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 74 kes (18.8%), saringan kluster-kluster sedia ada 36 kes (9.2%), saringan ladang (PERKESO) 21 kes (5.3%), saringan pelajar masuk asrama 8 kes (2%) dan 32 kes (8.2%) adalah daripada lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,036 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,633 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,769 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 43.57%.
- 7 Pada hari ini, sebuah Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) yang baharu telah mula beroperasi iaitu Dewan Belia Kunak dengan kapasiti 40 katil.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **318,787** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 32,054 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 122 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 28 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 20 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 3 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam 14 premis di enam (6) daerah iaitu Kudat, Tambunan, Semporna, Kota Kinabalu, Keningau dan Kota Marudu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 116 lokasi di 12 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93.05%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	94%
2	Kota Belud	94%
3	Kota Marudu	94%
4	Kinabatangan	94%
5	Tenom	94%
6	Beluran	94%
7	Sipitang	94%
8	Papar	93%
9	Tuaran	93%
10	Kudat	93%
11	Keningau	93%
12	Kunak	93%
13	Beaufort	93%
14	Semporna	93%
15	Kota Kinabalu	92%
16	Penampang	92%
17	Tawau	92%
18	Sandakan	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting. Di samping mengurangkan risiko jangkitan wabak COVID-19, kita dapat meluangkan masa untuk menjaga dan memerhatikan aktiviti anak-anak terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
17 Januari 2021**